Bangunan Canselori Putra

UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BERILMU BERBAKTI

JUBLI EMAS

جوبلي امس

UPM 1971-2021

Pertanian Inovasi Kehidupan

MANUAL IDENTITI KORPORAT

(MIK) Edisi 3/2021

Manual Identiti Korporat

ISI KANDUNGAN

1.0 Pendahuluan

- **1.1** Tujuan
- **1.2** Definisi
- **1.3** Skop
- **1.4** Tanggungjawab

2.0 Lambang Korporat UPM

- **2.1** Rasional Lambang dan Warna Korporat UPM
- **2.2** Pembentukan Lambang Korporat UPM dengan Grid
- **2.3** Contoh Variasi Saiz Lambang Korporat UPM
- **2.4** Fon Lambang Korporat UPM
- **2.5** Warna Lambang Korporat UPM (CMYK/RGB)
- **2.6** Motif Lambang Korporat UPM
- **2.7** Pembentukan Lambang Korporat /Logo PTJ
- **2.8** Pembentukan Reka Bentuk (*Design*) Nama PTJ
- **2.9** Kedudukan Lambang Korporat UPM
- **2.10** Contoh-contoh Pengubahsuaian Lambang Korporat UPM yang Tidak Dibenarkan

3.0 Penggunaan Lambang Korporat UPM bagi Alat Tulis

- **3.1** Panduan Penggunaan Lambang Korporat UPM untuk Percetakan Teknikal
- **3.2** Templat Kad Nama Rasmi
- **3.3** Templat Kepala Surat Rasmi Termasuk Perhubungan Urusan Pelajar/Persatuan/Kelab/Kolej
- **3.4** Templat Sampul Surat Rasmi
- **3.5** Templat Memo
- **3.6** Templat Slip Ingatan Tulus Ikhlas
- **3.7** Penggunaan Bahasa



4.0 Penggunaan Lambang Korporat UPM di Dalam Platfom Media Digital

- **4.1** Media Sosial
- **4.2** Video
- **4.3** Laman Web
- **4.4** Paparan Aplikasi UPM
- **4.5** Kandungan dan Ruang Tandatangan Emel
- **4.6** Penggunaan Bahasa

5.0 Penggunaan Lambang Korporat UPM bagi Aktiviti Korporat, Promosi dan Pemasaran

- **5.1** Penerbitan Buku dan Lain-lain
- **5.2** Templat *PowerPoint* Korporat
- **5.3** Bahan Promosi
- **5.4** Barang Kelengkapan Promosi
- **5.5** Cenderamata
- **5.6** Penggunaan Bahasa

6.0 Penggunaan Lambang Korporat UPM bagi Identiti dan Imej Korporat

- **6.1** Baju Korporat
- **6.2** *Livery*
- **6.3** Papan Tanda

7.0 Panduan Penggunaan Lain-lain Jenama Selain Lambang Korporat UPM

- **7.1** Jenama PUTRA®/PUTRA™
- **7.2** Jenama PUTRA®/PUTRA™ Bakti
- **7.3** Kelas Pendaftaran
- **7.4** Aktiviti Permohonan Harta Intelek UPM

8.0 Penggunaan Logo *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *Hashtag* pada Setiap Poster Aktiviti Peringkat Universiti Putra Malaysia (UPM)

9.0 Penggunaan Logo Sambutan Khas

- **9.1** Penggunaan Logo Sambutan Perayaan Jubli Emas UPM Sempena 50 Tahun UPM Sebagai Universiti

MANUAL IDENTITI KORPORAT

Universiti Putra Malaysia

1.0

Pendahuluan

MANUAL IDENTITI KORPORAT (MIK Edisi 3/2021)

1.1 Tujuan

Manual Identiti Korporat ini disediakan bertujuan untuk menerangkan kaedah penggunaan dan pelaksanaan Lambang Korporat UPM agar seragam, konsisten, terkini dan teratur di dalam semua aspek komunikasi Universiti termasuk medium percetakan seperti gegantung, sepanduk, poster dan brosur, penyiaran dan paparan di web dan elektronik serta media sosial.

Penggunaan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris bergantung kepada keperluan sasaran pengguna. Namun begitu, penggunaan Bahasa Melayu diutamakan sebagai Bahasa Kebangsaan.

1.2 Definisi

Agensi Luar merujuk kepada entiti awam atau entiti swasta dalam dan luar negara.

Cap Dagangan merujuk kepada perkataan, logo, gambar, perisai, nama, huruf, nombor atau kombinasi tersebut.

Identiti Korporat dan Imej merujuk kepada nama, logo dan ciri-ciri visual sesebuah organisasi.

Lambang Korporat UPM merujuk kepada perisai UPM dan perkataan Universiti Putra Malaysia.

Lambang Korporat Pusat Tanggungjawab (PTJ) merujuk kepada perkataan, logo, gambar, perisai, nama, huruf, nombor atau kombinasi tersebut yang dihasilkan oleh PTJ.

Media Sosial merujuk kepada kemudahan aplikasi Internet yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, bahan media dan mewujudkan interaksi antara pengguna dengan penyelia kandungan saluran termasuk Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube.

Penerima Lesen merujuk kepada pihak yang telah menandatangani perjanjian pelesenan harta intelek dengan UPM menurut prosedur yang telah ditetapkan.

Pengguna merujuk kepada entiti di bawah UPM serta anak syarikat, subsidiari anak syarikat, syarikat berkaitan UPM, kolej program kerjasama UPM-IPTS, penerima lesen harta intelek UPM, dan/atau mana-mana pihak yang diberikan hak untuk menggunakan Lambang Korporat UPM.

PTJ merujuk kepada Pusat Tanggungjawab di bawah UPM.

Bahan Promosi merujuk kepada penerbitan poster/ lembaran *flyer*/brosur/*booklet* untuk tujuan pemasaran atau promosi.

Barang Kelengkapan Promosi merujuk kepada penerbitan gegantung/*banner/billboard/backdrop* untuk tujuan pemasaran atau promosi.

1.3 Skop

Manual Identiti Korporat ini merangkumi aktiviti pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan Lambang Korporat UPM oleh entiti di bawah UPM serta anak syarikat, subsidiari anak syarikat, syarikat berkaitan UPM, kolej program kerjasama UPM-IPTS, penerima lesen harta intelek UPM, dan/atau mana-mana pihak yang diberikan hak untuk menggunakan Lambang Korporat UPM.

Lambang Korporat UPM merupakan harta intelek UPM iaitu Cap Dagangan (*Trademark*) yang telah didaftarkan ke Perbadanan Harta Intelek Negara (MyIPO).

Cap dagangan yang berdaftar akan memperoleh perlindungan di bawah Akta Cap Dagangan 1976, iaitu bebas daripada sebarang ancaman yang melibatkan cap dagangan.

Penggunaan cap dagangan UPM, iaitu untuk perisai UPM dan perkataan Universiti Putra Malaysia, adalah menurut keperluan penggunaannya dalam perniagaan dari masa ke semasa di bawah Klasifikasi Nice, sepertimana yang diuruskan oleh pejabat yang bertanggungjawab melindungi harta intelek Universiti.

LARANGAN PENGGUNAAN LAMBANG KORPORAT UPM TANPA IZIN

Penggunaan Lambang Korporat UPM tanpa izin tidak dibenarkan sama sekali. Pihak UPM boleh mengambil tindakan ke atas mana mana pihak yang didapati menggunakan Lambang Korporat UPM tanpa izin.

Sebarang aduan penggunaan Lambang Korporat UPM tanpa izin hendaklah dimajukan kepada **Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).** Pihak PSPK akan melakukan semakan dan siasatan sebelum merujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-undang dan Putra Science Park UPM **(sekiranya perlu)** untuk tindakan selanjutnya.

1.4 Tanggungjawab

Entiti di bawah UPM serta anak syarikat, subsidiari anak syarikat, syarikat berkaitan UPM, kolej program kerjasama UPM-IPTS, penerima lesen harta intelek UPM, dan/atau mana-mana pihak yang diberikan hak untuk menggunakan Lambang Korporat UPM bertanggungjawab mematuhi Manual Identiti Korporat ini.

Penggunaan Lambang Korporat UPM untuk tujuan selain pelesenan harta intelek UPM, hendaklah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat (PSPK).

Manakala penggunaan Lambang Korporat UPM untuk tujuan pelesenan harta intelek UPM, hendaklah dirujuk kepada pejabat yang bertanggungjawab melindungi harta intelek Universiti.

Ketua PTJ dan penganjur program bertanggungjawab memastikan Manual Identiti Korporat ini dipatuhi.

Mana-mana Ketua PTJ dan/atau penganjur program yang ingin menggunakan Lambang Korporat UPM melalui program, aktiviti dan/atau projek kerjasama mestilah mengemukakan permohonan melalui PTJ yang terlibat dan seterusnya PTJ berkenaan hendaklah memajukan permohonan kepada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) menggunakan borang **UPM/PSPK/BR/05/LAMBANGKORPORATUPM** – Borang Permohonan Penggunaan Lambang Korporat UPM Bersama Agensi Luar melalui seperti berikut:

Pengarah
Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK)
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03 – 9769 6021
Emel: dir.pspk@upm.edu.my

2.0

Lambang Korporat UPM

MANUAL IDENTITI KORPORAT Edisi 3/2021

Lambang Korporat UPM yang didaftarkan ke Perbadanan Harta Intelek Negara (MyIPO) di bawah Cap Dagangan

Contoh cap dagangan perisai UPM

Contoh cap dagangan perkataan ‘Universiti Putra Malaysia’

2.1 Rasional Lambang dan Warna Korporat UPM

UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BERILMU BERBAKTI

Lambang Korporat UPM yang membabitkan perisai dan perkataan 'Universiti Putra Malaysia' melambangkan tradisi, falsafah dan visi baharu universiti.

Bentuk perisai yang terbina secara tradisinya melambangkan prinsip, kemantapan dan penjagaan martabat ilmu untuk kebahagiaan dan kesejahteraan sejagat.

Bentuk titisan air merupakan simbolik kepada komitmen Universiti untuk memelihara alam sekitar. Air juga adalah sebagai asas kehidupan sebagaimana juga ilmu adalah sebagai asas untuk mencapai kemajuan manusia.

Garisan kecil di tengah melambangkan wawasan Universiti yang sentiasa ke hadapan. Tiga garisan di kiri dan di kanan ialah simbol dahan yang melambangkan kepentingan pertanian dalam kelangsungan kehidupan dan kemakmuran manusia yang merupakan tumpuan dan kekuatan UPM. Tiga garisan itu juga membawa maksud tiga fungsi utama Universiti, iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional.

Buku yang berada di sebelah atas melambangkan keunggulan Universiti sebagai gapura yang menjunjung, menjana dan meneroka ilmu untuk kebahagiaan dan kesejahteraan sejagat.

Konsep bentuk perisai ini diperkukuhkan lagi dengan singkatan huruf 'UPM' yang merujuk kepada "Universiti Putra Malaysia".

Warna merah
melambangkan dinamisme kepada tradisi perjuangan ilmu dan juga semangat perintis, keberanian dan ketahanan menghadapi cabaran.



Warna kelabu
melambangkan keneutralan, keluwesan dan ketekalan.

Warna putih
melambangkan keikhlasan dan ketelusan.

Kombinasi warna merah, kelabu dan putih bermaksud **keharmonian, kestabilan, keceriaan, kematangan** dan **dinamisme.**

2.2 Pembentukan Lambang Korporat UPM dengan Grid





Penggunaan grid adalah sebagai panduan teknikal bagi pembentukan Lambang Korporat UPM supaya sentiasa jelas di samping dapat memastikan keseragaman penggunaannya.

Pengguna dibenarkan untuk mengasingkan perisai UPM dan perkataan 'UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA'. Walau bagaimanapun penggunaan Lambang Korporat UPM sepenuhnya adalah digalakkan bergantung kepada bentuk penggunaan seperti termaktub dalam Manual Identiti Korporat ini.

Ilustrasi yang disediakan di sini hendaklah menjadi sumber muktamad dalam usaha menyelesaikan ketidakpastian atau kesamaran.

2.3 Contoh Variasi Saiz Lambang Korporat UPM

1. Penggunaan pengkadaran *proportionally* adalah sebagai panduan teknikal bagi pembentukan Lambang Korporat UPM supaya sentiasa jelas di samping dapat memastikan keseragaman penggunaannya.

2. Ilustrasi yang disediakan di sini adalah di antara saiz yang dibenarkan dalam kepelbagaian penggunaannya. Untuk saiz yang melebihi 64mm x 72mm, pembesaran saiz Lambang Korporat UPM hendaklah dibuat penambahan berskala 200%. Untuk saiz yang kurang dari 8mm x 9mm, pengecilan saiz Lambang Korporat UPM hendaklah dibuat pengurangan berskala 50%.

3. Saiz maksima dan minima Lambang Korporat UPM tidak terhad. Ianya bergantung kepada saiz aplikasi bahan yang hendak digunakan mengikut pengkadaran yang telah ditetapkan.



Aplikasi Bahan dan Saiz Lambang Korporat UPM:

8mm x 9mm:
Aplikasi bahan yang sederhana kecil

16mm x 18mm:
Aplikasi bahan yang kecil

32mm x 36mm:
Aplikasi bahan percetakan bersaiz A4

64mm x 72mm:
Aplikasi bahan percetakan bersaiz A3



4. Kedudukan logo dan fon seperti ilustrasi adalah di antara yang dibenarkan dalam kepelbagaian penggunaannya.

5. Perhatian hendaklah diberikan agar tidak berlaku sebarang pengubahsuaian terhadap kedudukan di antara logo dan fon.

6. Ilustrasi yang disediakan di sini hendaklah menjadi sumber muktamad dalam usaha.

   X - Adalah merupakan zon bebas untuk logo dan fon.

7. Sebarang perkataan yang hendak digunakan bersama logo dan fon dalam apa jua bentuk penggunaannya sama ada media cetak atau elektronik hendaklah berada di luar zon bebas tersebut menyelesaikan ketidakpastian dan kesamaran. pengkadaran yang telah ditetapkan.



1. Huruf ‘U’,‘P’,‘M’ bagi bentuk perisai ini menggunakan *Arial Black 20pt.*

2. Huruf ‘U’,‘P’,‘M’ bagi logo taip ini menggunakan *Arial Black 62pt.*

3. Huruf ‘UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA’ bagi logo taip ini menggunakan *Arial Bold 13pt.*

4. Huruf ‘BERILMU BERBAKTI’ bagi logo taip ini menggunakan *Arial Black 9pt*

2.4 Fon Lambang Korporat UPM

Arial

Arial merupakan fon korporat bagi Universiti Putra Malaysia dan perlu digunakan dalam semua aplikasi yang berhubung dengan identiti korporat UPM mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Jenis fon yang digunakan adalah dari jenis yang moden dan mempunyai visibiliti yang tinggi. Fon ini boleh didapati dalam 4 stail yang berbeza bentuk.

Arial Regular	abcdefghijklmnopqrstuvwxyz1234567890 ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ
Arial Bold	**abcdefghijklmnopqrstuvwxyz1234567890** **ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ**
Arial Italic	*abcdefghijklmnopqrstuvwxyz1234567890* *ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ*
Arial Black	**abcdefghijklmnopqrstuvwxyz1234567890** **ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ**

Arial Regular/*Italic* digunakan sebagai teks *body copy*, manakala *Arial* **Bold** digunakan untuk menerangkan *hightlight* sebahagian daripada teks.

Arial **Black/Bold** digunakan dalam penghasilan akronim UPM dan logotaip Universiti Putra Malaysia. Stail fon ini juga digunakan di bahagian tertentu untuk tajuk utama *headline/ taglines* dalam kerja-kerja penerbitan.

Fon *Arial* adalah mudah didapati dalam mana-mana perisian yang digunakan sama ada komputer PC atau Mac.

2.5 Warna Lambang Korporat UPM (CMYK /RGB)

Panduan Kod Warna
C - Cyan
M - Magenta
Y - Yellow
K - Black
R - Red
G - Green
B - Blue

Warna Dakwat: CMYK / PANTONE

Merah UPM	Kelabu UPM	Hitam
C - 20% M - 100% Y - 70% K - 0% / Pantone 1945 C	C - 10% M - 0% Y - 0% K - 40% / Pantone Cool Gray 7 C	C - 0% M - 0% Y - 0% K - 100% / Pantone Black C

Warna Digital: RGB

Merah UPM	Kelabu UPM	Hitam
R - 202 G - 0 B - 38	R - 138 G - 147 B - 150	R - 0 G - 0 B - 0

Warna Dakwat: CMYK / PANTONE

Warna Digital: RGB

Panduan Kod Warna
C - Cyan
M - Magenta
Y - Yellow
K - Black
R - Red
G - Green
B - Blue

Kelabu Cerah	Kelabu Gelap	Hitam	Kelabu Cerah	Kelabu Gelap	Hitam
C - 0% M -0% Y - 0% K - 40% / Pantone Cool Gray 7 C	C - 0% M -0% Y - 0% K - 70% / Pantone Cool Gray 11 C	C - 0% M - 0% Y - 0% K - 100% / Pantone Black C	R - 153 G - 153 B - 153	R - 70 G - 74 B - 75	R - 0 G - 0 B - 0

Warna Korporat (Warna Sekunder)

Warna Dakwat : CMYK /PANTONE	**Olive Green UPM** **C - 67% M - 51% ,Y - 95% K - 53% / Pantone 1945 C**
Warna Digital : RGB	**Olive Green UPM** **R - 58 G - 66 B - 278**

Pemilihan warna sekunder ini adalah berdasarkan inspirasi daripada unsur warna tumbuhan, pertanian dan semula jadi. Penggunaan warna sekunder adalah bagi tujuan tambahan warna alternatif bagi sebarang reka bentuk.

2.6 Motif Lambang Korporat UPM



Panduan Kod Warna
C - Cyan
M - Magenta
Y - Yellow
K - Black
R - Red
G - Green
B - Blue

Warna Dakwat : CMYK / PANTONE

1 Kelabu
C - 0% M - 0% Y - 0% K - 8% / Pantone Cool Gray 1 C

2 Kelabu Cerah
C - 0% M - 0% Y - 0% K - 12% / Pantone Cool Gray 3 C

3 Kelabu Gelap
C - 0% M - 0% Y - 0% K - 23% / Pantone Cool Gray 5 C

Warna Digital : RGB

1 Kelabu
R - 236 G - 235 B - 235

2 Kelabu Cerah
R - 224 G - 224 B - 224

3 Kelabu Gelap
R - 196 G - 196 B - 196

2.7 Pembentukan Lambang Korporat/Logo PTJ

Mana-mana PTJ tidak dibenarkan mempunyai lambang korporat sendiri. Setiap PTJ hendaklah menggunakan Lambang Korporat UPM sahaja dalam setiap urusan PTJ.

Walau bagaimanapun, PTJ dibenarkan untuk membangunkan Lambang Korporat PTJ sendiri atas justifikasi berikut:

a. arahan pihak Kementerian atau badan-badan profesional tertentu dan mendapat pengesahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU);

b. pemupukan semangat kolegiat khusus untuk Kolej Kediaman UPM dan mendapat pengesahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU); atau

c. sebagaimana wajar setelah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).

2.8 Pembentukan Reka Bentuk (***Design***) Nama PTJ

Pembentukan Reka Bentuk (*Design*) Nama PTJ untuk digunakan bersama Lambang Korporat UPM bagi membentuk keseragaman Reka Bentuk Nama PTJ adalah seperti di contoh berikut;

Contoh

Lambang Korporat UPM | Nama PTJ

Lambang Korporat UPM di bahagian kiri

Penggunaan garisan *border* di tengah

Nama PTJ di bahagian kanan

Ciri-ciri Wajib

- Penggunaan Bahasa Melayu untuk nama PTJ.
- Penggunaan Bahasa Inggeris untuk nama PTJ.
- Lambang Korporat UPM perlu diletakkan terlebih dahulu diikuti dengan nama PTJ sebagai satu pakej bagi peningkatan visibiliti dan penjenamaan yang berkesan.
- Penggunaan warna korporat UPM sahaja dibenarkan bagi pembentukan reka bentuk nama PTJ. Rujuk 2.5 bagi spesifikasi warna korporat UPM.

Ciri-ciri Pilihan

- Penggunaan Bahasa Jawi untuk nama PTJ.
- Reka bentuk nama PTJ melintang atau menegak.

Contoh Melintang

PUSAT STRATEGI DAN
PERHUBUNGAN KORPORAT

Contoh Menegak

PUSAT
STRATEGI
DAN
PERHUBUNGAN KORPORAT

Reka bentuk lain selain daripada contoh seperti yang dinyatakan adalah tidak digalakkan bagi tujuan penjenamaan dan pembentukan identiti yang sama dalam kalangan PTJ di UPM.

Kesemua reka bentuk nama PTJ perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) sebelum mula diguna pakai.

Sebarang pengubahsuaian pada Lambang Korporat UPM turut tidak dibenarkan.



2.9 Kedudukan Lambang Korporat UPM

Penggunaan Lambang Korporat UPM bersama Lambang Korporat PTJ untuk percetakan seperti gegantung, sepanduk, kulit buku, poster, brosur dan lain-lain.

Penggunaan Lambang Korporat UPM bersama Lambang Korporat Anak Syarikat, Subsidiari Anak Syarikat, Syarikat berkaitan UPM, Kolej Program Kerjasama UPM-IPTS, Penerima Lesen Harta Intelek UPM, dan/atau mana-mana pihak yang diberikan hak untuk menggunakan Lambang Korporat UPM.

Contoh Lambang Korporat UPM + Lambang Korporat Edu-Park.

Contoh 1

Contoh 2

Contoh 3

Penggunaan Lambang Korporat UPM bersama Lambang Korporat Agensi Luar

Borang dan garis panduan UPM/PSPK/BR/05/ LAMBANGKORPORATUPM – Borang Permohonan Penggunaan Lambang Korporat UPM Bersama Agensi Luar boleh dirujuk dan dimuat turun dari Laman Web Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).

Penggunaan Lambang Korporat UPM di Paparan Produk termasuk Produk yang dihasilkan oleh Penerima Lesen Harta Intelek UPM.

Penggunaan perisai UPM dan perkataan ‘Universiti Putra Malaysia’ hendaklah mendapat kebenaran daripada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).

Contoh 1

Contoh 2

Contoh 3

2.10 Contoh–contoh Pengubahsuaian Lambang Korporat UPM yang Tidak Dibenarkan

Dilarang membuat penapisan warna *(screen color)* terhadap logo rasmi

Dilarang membuat pengubahsuaian bentuk terhadap logo rasmi



Dilarang memusing kedudukan bentuk logo rasmi

Dilarang membuat pengubahsuaian warna terhadap logo rasmi

Dilarang meletakkan ilustrasi atau tanda diatas logo rasmi

Dilarang membuat pengubahsuaian skala logo rasmi

Dilarang menukar fon pada logo rasmi

Dilarang meletakkan logo rasmi untuk dijadikan sebahagian daripada teks

Ciri-ciri yang ada dalam Lambang Korporat UPM tidak boleh digunakan sama sekali untuk pembentukan Lambang Korporat PTJ. Namun, ciri-ciri yang ada dalam Lambang Korporat UPM boleh digunapakai dalam penghasilan nilai-nilai estetika sebagai contoh di lif, di pintu pejabat, di pintu gerbang, papan tanda dan sebagainya.



3.0

Penggunaan Lambang Korporat UPM bagi Alat Tulis

3.1 Panduan Penggunaan Lambang Korporat UPM untuk Percetakan Teknikal

Format Lambang Korporat hitam putih untuk *emboss stamping* dan *hot stamping* bagi pengesahan untuk sijil-sijil yang berkaitan dengan pengijazahan.

Format Lambang Korporat hitam putih untuk *emboss stamping* dan *hot stamping* bagi kegunaan Fakulti, Pusat, Institut, Kolej dan Pejabat.

1

2

Format kedudukan Lambang Korporat untuk aplikasi papan tanda fascia dan papan tanda identifikasi utama

Format kedudukan Lambang Korporat untuk aplikasi alat tulis pos

Format Lambang Korporat hitam putih untuk *rubber stamp*

Format Lambang Korporat hitam putih untuk *rubber stamp*

Format Lambang Korporat hitam putih untuk *hot stamping*

Format Lambang Korporat untuk cenderamata dan cetakan

Warna memainkan peranan yang penting untuk memastikan keseragaman identiti korporat UPM lebih tersusun, kemas dan efektif.

Ilustrasi yang disediakan di sini adalah di antara beberapa contoh pembentukan logo UPM dalam pelbagai versi warna terhadap penggunaan latar belakang yang berwarna gelap dan cerah.

Penggunaan logo terhadap warna latar belakang di sini hendaklah menjadi sumber muktamad dalam usaha menyelesaikan ketidakpastian atau kesamaran.



Contoh-contoh penggunaan Lambang Korporat UPM versi berwarna putih *reverse white* di atas latar belakang berwarna gelap.

Contoh-contoh penggunaan Lambang Korporat UPM versi berwarna di atas latar belakang berwarna cerah.

Contoh-contoh penggunaan Lambang Korporat UPM versi berwarna hitam putih *grayscale* di atas latar belakang berwarna.

3.2 Templat Kad Nama Rasmi

Versi Bahasa Melayu (Depan)

Versi Bahasa Inggeris (Belakang)

Ciri Wajib di dalam Kad Nama Rasmi

1. Lambang Korporat UPM diletakkan di sebelah kiri atas kad (di kedua-dua belah bahagian kad nama)

2. Logo SIRIM QMS dan ISMS diletakkan di sebelah kiri bawah kad (di kedua-dua belah bahagian kad nama)

3. Nama penuh, jawatan, nama PTJ, nombor telefon pejabat, nombor telefon bimbit dan alamat emel rasmi UPM (di kedua-dua belah bahagian kad nama)

4. Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Ciri Pilihan di dalam Kad Nama Rasmi

5. Gambar Pasport
   Gambar pasport imej korporat kakitangan UPM (di kedua-dua belah bahagian kad nama atau di salah satu bahagian kad nama)

6. Kod QR
   Kod QR (di kedua-dua belah bahagian kad nama atau di salah satu bahagian kad nama)
   Ukuran kod QR (segi empat sama tidak kurang dari 1.2 cm bagi setiap sisi)

   Kod QR setiap staf boleh diperolehi di profil masing-masing;

   Layari https://profile.upm.edu.my/

   Log masuk menggunakan UPM-ID

   Tekan pautan QR Code seperti berikut:-



Tekan pautan QR Code

Paparan Kod QR

Maklumat teknikal cetakan
Nama menggunakan *Arial Bold 7pt* manakala jawatan menggunakan *Arial Italic 7pt.*

Alamat menggunakan *Arial Regular 6pt.*

Ikon atau simbol menggunakan *Wingdings Regular* dan *Davys Other Dingbats 8pt* manakala nombor telefon menggunakan *Arial Regular 6pt.*

Spesifikasi bagi tujuan percetakan

Jenis Kertas
1. *Artcard - 230gsm, 260gsm*
2. *Matt Artcard - 230gsm, 260gsm*
3. *Ivory Card - 230gsm*
4. *Conqueror - 220gsm*

Percetakan kad nama rasmi selain dari templat kad nama rasmi di dalam manual ini hendaklah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).

3.3 Templat Kepala Surat Rasmi Termasuk Perhubungan Urusan Pelajar/Persatuan/Kelab/Kolej

1. Nama fakulti, pusat, institut, kolej dan pejabat menggunakan *Arial Regular/Arial Italic* 12pt.

   Spesifikasi warna merah UPM dan kelabu UPM sila rujuk perkara 2.5.

2. Alamat dan nombor telefon menggunakan *Arial Regular 10pt* manakala ikon atau simbol menggunakan *Wingdings Regular* dan *Davys Other Dingbats 11pt*.



Spesifikasi bagi tujuan percetakan

Jenis kertas

1. *Conqueror White/High White Laid - 100gsm*
2. *Conqueror Cream/Cream Laid - 100gsm*
3. *Simili - 100gsm*
4. *Simili - 80gsm*

Bagi meningkatkan visibiliti dan reputasi Universiti, kepala surat rasmi dibenarkan untuk dimasukkan maklumat akreditasi.

Percetakan kepala surat rasmi selain dari templat kepala surat rasmi di dalam manual ini hendaklah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).

3.4 Templat Sampul Surat Rasmi

Sampul Surat Rasmi

1. Nama fakulti, pusat, institut, kolej dan pejabat menggunakan *Arial Regular/Arial Italic 8pt*. Spesifikasi warna merah UPM dan kelabu UPM sila rujuk perkara 2.5.

2. Alamat dan nombor telefon menggunakan *Arial Regular 7pt* manakala ikon atau simbol menggunakan *Wingdings Regular dan Davys Other Dingbats 8pt*.



Sampul Surat Rasmi Bertingkap

3.5 Templat Memo



Templat Memo

1. Nama fakulti, pusat, institut, kolej dan pejabat menggunakan *Arial Regular/ Arial Italic 12pt.*

   Spesifikasi warna merah UPM dan kelabu UPM sila rujuk perkara 2.5.

2. Memo menggunakan *Arial Regular 69pt.*

3. Kepada/*To*, Daripada/*From*, Tarikh/*Date* menggunakan *Arial Regular /Arial Italic 10pt.*

4. Alamat /Nombor Telefon menggunakan *Arial Regular* 10pt manakala ikon dan simbol menggunakan *Wingdings Regular dan Davys Other Dingbats 11pt.*

Spesifikasi bagi tujuan percetakan

Jenis kertas
Simili Paper 80gsm

Warna kertas
Putih

3.6 Templat Slip Ingatan Tulus Ikhlas

Templat Slip Ingatan Tulus

1. Nama fakulti, pusat, institut, kolej dan pejabat menggunakan *Arial Regular/ Arial Italic 9pt.*

   Spesifikasi warna merah UPM dan kelabu UPM sila rujuk perkara 2.5.

2. Dengan Ingatan Tulus Ikhlas menggunakan *Easy Street EPS 35pt.*

3. *With Best Compliments* menggunakan *Arial Italic 21pt.*

4. Alamat/Nombor telefon menggunakan *Arial Regular 7pt* manakala ikon dan simbol menggunakan *Wingdings Regular* dan *Davys Other Dingbats 8pt.*

Spesifikasi bagi tujuan percetakan

Jenis kertas
Conqueror Paper 100gsm
Simili Paper 80gsm

Warna kertas
Putih

3.7 Penggunaan Bahasa

Penggunaan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris bergantung kepada keperluan sasaran pengguna. Namun begitu, penggunaan Bahasa Melayu diutamakan sebagai Bahasa Kebangsaan.

MANUAL IDENTITI KORPORAT

Universiti Putra Malaysia

4.0

Penggunaan Lambang Korporat UPM di dalam Platform Media Digital

4.1 Media Sosial

Media Sosial UPM diwujudkan untuk kegunaan rasmi Fakulti/Institut/ Pusat/Bahagian/Jabatan dan UPM.

- Profil Foto (Facebook/Twitter/Instagram)
- Cover Art (Facebook/Twitter/Instagram)
  - Perkataan “Universiti Putra Malaysia”
  - *Tagline*

- Poster (Facebook/Twitter/Instagram)
  - Lambang Korporat UPM di sebelah kiri
  - Senarai URL Media Sosial Rasmi UPM di bahagian bawah
  - Moto, *tagline* dan url laman web UPM

Senarai Media Sosial UPM dan Garis Panduan Media Sosial UPM boleh dirujuk di laman web https://www.pspk.upm.edu.my/

Garis Panduan Hebahan Inovasi UPM di Media Sosial Awam

- Orang awam atau komuniti hendaklah berkongsi ayat dan infografik yang sama seperti digunakan oleh penyelidik UPM untuk paparan di mana-mana media sosial bagi mengelakkan timbulnya salah faham dan/atau penyampaian maksud yang berbeza kepada netizen.

- Sila masukkan penafian bahawa UPM tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi mana-mana *posting* yang dipaparkan di media sosial terbabit selain dari berkenaan inovasi UPM. Jika mana-mana *posting* di media sosial tersebut menyebabkan timbulnya saman awam terhadap pemilik media sosial tersebut, UPM tidak terlibat sama sekali.

Profil Foto Facebook

https://www.facebook.com/UniPutraMalaysia

Profil Foto Twitter



https://twitter.com/uputramalaysia

Profil Foto Instagram



https://www.instagram.com/uniputramalaysia

Cover Art (Facebook/Twitter/Instagram)

Lambang Korporat UPM

Media Sosial UPM

facebook.com/UniPutraMalaysia
instagram.com/uniputramalaysia
@uputramalaysia
youtube.com/user/bppupm

Poster (Facebook/Twitter/Instagram)

Logo Sambutan Perayaan Jubli Emas UPM

Tagline UPM

Motto UPM

Bahasa Melayu

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

Bahasa Inggeris

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

4.2 Video

Contoh paparan permulaan video
(Video Korporat UPM)



Contoh paparan penutupan video
(Video Program Bacelor)

4.3 Laman Web

Web Slider (650 pixel x 320 pixel)



Web Banner (320 pixel x 120 pixel)

4.4 Paparan Aplikasi UPM

Berikut adalah contoh Paparan Aplikasi UPM



Paparan Aplikasi PutraVID di
Google Playstore



Paparan Aplikasi eCuti di
Google Playstore

4.5 Kandungan dan Ruang Tandatangan Emel

Semua kandungan dan ruang tandatangan menggunakan *Arial* 12pt.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera < jawatan penerima emel >

< isi kandungan emel >

Sekian, terima kasih.

< moto >

Saya yang menjalankan amanah,

< Nama >
< Jawatan >
< Seksyen >
< Bahagian >
< PTJ >
< UPM >
< No. Telefon >
< No. Faks >
< Alamat Emel >
< URL Laman Web dan Media Sosial Rasmi UPM >
< *Tagline* >

4.6 Penggunaan Bahasa

Penggunaan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris bergantung kepada keperluan sasaran pengguna.

Namun begitu, penggunaan Bahasa Melayu diutamakan sebagai Bahasa Kebangsaan.



5.0

Penggunaan Lambang Korporat UPM bagi Aktiviti Korporat, Promosi dan Pemasaran

5.1 Penerbitan Buku dan Lain-lain

Fokus kedudukan Lambang Korporat UPM mengikut jenis penerbitan, saiz dan warna cetakan.

5.1.1 Bahagian Hadapan Penerbitan

Kategori

Penerbitan Ilmiah
- Jurnal
- *Jurnal Pertanika*
- Inaugural
- Prosiding
- Buku Akademik

Penerbitan Bukan Ilmiah
- ***e-PUTRA®***
- ***The PUTRA®***
- Buku Program
- Buku Konvo
- *Tribun PUTRA®*

Khas
- ***Coffee Table Book***
- ***Prospectus***
- Perutusan
- Imbasan
- Laporan Tahunan
- Diari Harian

- Lambang Korporat UPM di Bahagian Bawah Kanan/
- Atas Kanan/Tengah



Jurnal Pertanika



Inaugural



Tribun PUTRA®

103 | JANUARI - MAC 2021

PP10540/10/2012(031020)
www.tribunputra.upm.edu.my

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

Penyelidik UPM ketuai penyelidikan vaksin COVID-19
Berita Utama - 2

"Gembleng, kerja bersama sebagai satu pasukan"
Wawancara - 3

Quality Perception On Higher Educational Institutions
Expert's Point of View

UPM students return to campus

By: Noor Eszereen Juferi
Photo by: Mohammad Izrul Abdul Jabar

